

# UMT undi guna sistem e-voting lebih telus

KOSMO 02/10/07 Pg. 13

KUALA TERENGGANU - Mudah dan telus.

Bagi pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mereka akan mengundi dalam pilihan raya kampus itu menggunakan sistem e-voting di Dewan Sultan Mizan, hari ini.

Sistem yang sudah digunakan universiti tersebut sejak tahun 1998 itu menggunakan aplikasi komputer yang menjanjikan ketelusan supaya setiap undi pelajar diproses tanpa keraguan.

Menurut pengurus sistem undian tersebut yang juga Ahli Jawatankuasa Pusat pilihan raya UMT, Mohd. Sarif Abd. Manap, melalui e-voting, peng-

raan undi boleh dilakukan dengan pantas.

"Esok pengundian akan bermula pukul 9 pagi dan akan berakhir pada pukul 5 petang dan keputusan pilihan raya ini akan diketahui selewat-lewatnya pada pukul enam," katanya semasa sesi taklimat mengenai sistem itu kepada calon dan staf UMT di sini, semalam.

Menurutnya, melalui kaedah konvensional iaitu menggunakan kertas undi, pengiraan undi akan mengambil masa panjang selain akan ada undi yang rosak.

Jelasnya lagi, melalui sistem tersebut, pihaknya dapat memastikan

tiada undi rosak kerana sistem yang dibangunkan itu akan mengingatkan pelajar sekiranya mereka melakukan kesilapan.

"Sistem ini juga akan dapat mengesan pengundi hantu sebab orang luar tidak boleh mendaftar sebab untuk mengundi mereka perlukan nombor siri yang akan dikeluarkan semasa pelajar mendaftar esok (hari ini)," katanya.

Menurutnya, pelajar juga tidak boleh mendaftar atau mengundi sebanyak dua kali sebab sistem itu akan dapat mengesan pengundi yang berbuat demikian dan menyekatnya daripada melakukan kesalahan tersebut.

but.

Katanya lagi, pihaknya menjangkakan lebih 80 peratus pelajar UMT akan hadir dalam pilihan raya kampus itu berbanding hanya 57 peratus tahun lalu.

"Tahun ini, pengundian dijalankan pada hari Selasa berbanding tahun lalu dilakukan pada hari Khamis sebab masa itu ramai pelajar tidak ada di kampus.

Tambahnya, sebanyak lima buah bas yang akan bergerak sejam sekali turut disediakan untuk memudahkan pelajar yang tidak mempunyai kenderaan datang ke tempat pengundian.